

ISU-ISU TERPILIH
DALAM HUBUNGAN

MALAYSIA

DENGAN NEGARA SERANTAU
ASIA TENGGARA



ISU-ISU TERPILIH
DALAM HUBUNGAN

MALAYSIA

DENGAN NEGARA SERANTAU
ASIA TENGGARA

EDITOR
RAMLI DOLLAH
WAN SHAWALUDDIN WAN HASSAN
RIZAL ZAMANI IDRIS

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2019

KK 327-320-0502011-49-1961-40101

Cetakan Pertama 2019
© Kumpulan Penulis 2019

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISU-ISU TERPILIH DALAM HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN
NEGARA SERANTAU ASIA TENGGARA / EDITOR : RAMLI
DOLLAH, WAN SHAWALUDDIN WAN HASSAN, RIZAL
ZAMANI IDRIS.

Mengandungi indeks

Bibliografi : hlm. 293

ISBN 978-983-49-1961-0

1. International relations. 2. Government publications--Malaysia.
3. Malaysia--Relations--Indonesia. 4. Malaysia--Relations--Singapore.
5. Malaysia--Relations--Philippines. 6. Malaysia--Relations--Thailand.
7. Malaysia--Relations--Brunei. 8. Malaysia--Relations--Vietnam.
9. Malaysia--Relations--Timor-Leste. 10. Malaysia--Politics and government.

I. Ramli Dollah, 1976-. II. Wan Shawaluddin Wan Hassan, 1960-.

III. Rizal Zamani Idris,.

327.59505959

Dicetak oleh
Pertubuhan Perlindungan dan Pekerjaan OKU Malaysia
No. 23, Jalan BA/8
Kawasan Perindustrian Bukit Angkat
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

KANDUNGAN

<i>Senarai Penyumbang</i>	ix	
<i>Prakata</i>	xiii	
<i>Pendahuluan</i>	xv	
<i>Penghargaan</i>	xxix	
<i>Senarai Singkatan</i>	xxxii	
BAB 1	ISU KRITIKAL HUBUNGAN MALAYSIA DAN NEGARA JIRAN	1
BAB 2	REALISME DEFENSIF DAN HUBUNGAN INDONESIA-MALAYSIA SELEPAS ERA SUHARTO	23
BAB 3	HUBUNGAN MALAYSIA-INDONESIA DARI TAHUN 2009 HINGGA 2017	47
BAB 4	ISU AIR DALAM HUBUNGAN MALAYSIA-INDONESIA: PENGURUSAN AIR MAMPAN DAN CABARAN KE ATAS SUMBER AIR TAWAR	

KANDUNGAN

	UNTUK KEPERLUAN DOMESTIK DI PULAU SEBATIK	63
BAB 5	ISU AIR DAN HUBUNGAN MALAYSIA- SINGAPURA: SEJARAH PERBEKALAN AIR DARI JOHOR KE SINGAPURA SEHINGGA TAHUN 1962	83
BAB 6	HUBUNGAN MALAYSIA-FILIPINA: SATU KAJIAN KES KE ATAS PENGLIBATAN MALAYSIA DALAM KONFLIK DI SELATAN FILIPINA	107
BAB 7	DIPLOMASI MALAYSIA-FILIPINA SEMASA KRISIS TANDUO, LAHAD DATU (SABAH) DARI BULAN FEBRUARI HINGGA MAC 2013	133
BAB 8	REAKSI MALAYSIA TERHADAP MASALAH ROHINGYA	157
BAB 9	HUBUNGAN MALAYSIA-THAILAND DAN ISU PENYELESAIAN KONFLIK DI SELATAN THAILAND	181
BAB 10	ISU LIMBANG DAN HUBUNGAN MALAYSIA-BRUNEI, 1963-2009: PENDEKATAN SEJARAH DARI BAWAH	215
BAB 11	HUBUNGAN MALAYSIA-VIETNAM DAN PERTINDIHAN WILAYAH DI KEPULAUAN SPRATLY: PENDEKATAN PEMBANGUNAN BERSAMA DALAM PENGURUSAN KONFLIK	237
BAB 12	HUBUNGAN MALAYSIA-TIMOR LESTE DARI TAHUN 2002 HINGGA 2015	249

KANDUNGAN

BAB 13	MALAYSIA DAN HUBUNGAN SERANTAU ASIA TENGGARA: BILATERALISME DAN MULTILATERALISME	273
	<i>Glosari</i>	285
	<i>Bibliografi</i>	293
	<i>Indeks</i>	325

SENARAI PENYUMBANG

ISMAIL ALI (PhD)

Profesor,
Program Sejarah,
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW),
Universiti Malaysia Sabah.

A. RAHMAN TANG ABDULLAH (PhD)

Profesor Madya,
Program Sejarah,
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW),
Universiti Malaysia Sabah.

AHMAD NIZAR YAAKUB (PhD)

Profesor Madya,
Program Kajian Antarabangsa,
Fakulti Sains Sosial,
Universiti Malaysia Sarawak.

ALI MAKSUM (PhD)

Pensyarah Kanan,

Jabatan Hubungan Internasional,
Universitas Muhammadiyah Yogyakarta.

AZMI AHMAD BAHAROM

Pensyarah Kanan,
Jabatan Geografi dan Alam Sekitar,
Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris.

BAKRI MAT (PhD)

Pensyarah Kanan,
Jabatan Hal-Ehwal Antarabangsa,
Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan
Pengajian Antarabangsa (COLGIS),
Universiti Utara Malaysia.

BASZLEY BEE BASRAH BEE

Pensyarah Kanan,
Program Sejarah,
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW),
Universiti Malaysia Sabah.

CRALL MARCK BAIT

Memperoleh Ijazah Sarjana (Sejarah),
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW),
Universiti Malaysia Sabah,
Kini bertugas sebagai Pegawai Polis Diraja Malaysia,
Bukit Aman.

EKO PRIYNO JOKO

Pensyarah Kanan,
Program Sejarah,
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW),
Universiti Malaysia Sabah.

HERMANARY DABIT @ DAVID

Memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Sejarah),
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW),

Universiti Malaysia Sabah,
Kini bertugas sebagai Pegawai Bahagian Kesihatan,
Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE),
Samling Plywood, Bintulu, Sarawak

JAROLYNE JAMES

Memperoleh Ijazah Sarjana Muda
(Hubungan Antarabangsa)
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW),
Universiti Malaysia Sabah,
Kini bertugas sebagai penulis bebas dan
penyunting di syarikat pelancongan antarabangsa
online, Tripaneer B.V., Amsterdam, The Netherlands.

M. MALIK AWANG RASIN

Memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Sejarah)
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW),
Universiti Malaysia Sabah.
Kini bertugas sebagai Pegawai Jabatan Pendaftar,
Universiti Malaysia Sabah.

MAUREEN DE SILVA (PhD)

Pensyarah Kanan,
Program Sejarah,
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW),
Universiti Malaysia Sabah.

MUHAMMAD AFIFI ABDUL RAZAK (PhD)

Pensyarah Kanan,
Jabatan Hal-Ehwal Antarabangsa,
Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan
Pengajian Antarabangsa (COLGIS),
Universiti Utara Malaysia.

NORDIN SAKKE (PhD)

Pensyarah Kanan,
Program Geografi,
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW),
Universiti Malaysia Sabah.

MIRAMLI DOLLAH

Pensyarah Kanan,
Program Hubungan Antarabangsa,
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW),
Universiti Malaysia Sabah.

RATNARIA WAHID (PhD)

Pensyarah Kanan,
Jabatan Hal-Ehwal Antarabangsa,
Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian
Antarabangsa (COLGIS),
Universiti Utara Malaysia.

RIZAL ZAMANI IDRIS

Pensyarah Kanan,
Program Hubungan Antarabangsa,
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW),
Universiti Malaysia Sabah.

SITI ZANARIAH AHMAD ISHAK (PhD)

Pensyarah Kanan,
Program Komunikasi,
Fakulti Sains Sosial,
Universiti Malaysia Sarawak.

WAN SHAWALUDDIN WAN HASSAN

Pensyarah Kanan,
Program Hubungan Antarabangsa,
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW),
Universiti Malaysia Sabah.

ZAINUS SAGI KHUSYAIRY PANGKAS

Memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Hubungan
Antarabangsa)
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW),
Universiti Malaysia Sabah.
Kini bertugas sebagai Pegawai Polis Diraja Malaysia,
IPD Bentong, Pahang.

PRAKATA

Buku ini adalah lanjutan daripada satu projek penulisan yang cuba melihat hubungan dua hala Malaysia di peringkat antarabangsa. Namun begitu, menyedari kepentingan rantau Asia Tenggara dalam hubungan luar Malaysia, para penulis membuat keputusan untuk mengasingkan isu-isu yang berkaitan dengan Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara. Hal ini demikian kerana, rantau Asia Tenggara merupakan suatu yang istimewa dalam dasar luar Malaysia. Keunikan ini bukanlah hanya disebabkan oleh faktor sejarah yang mendasari kepada hubungan ini, tetapi kedudukan strategik negara-negara yang berhampiran Malaysia menambahkan keistimewaan dalam hubungan ini.

Malaysia tidak sahaja terlibat dalam kerjasama dengan kesemua negara di Asia Tenggara, tetapi pada masa yang sama, Malaysia sangat sensitif kepada perkembangan yang berlaku di negara jiran. Dengan kata lain, sebarang perkembangan yang berlaku di negara-negara jiran, pasti akan menyumbang kepada isu di Malaysia. Isu pendatang,

pekerja asing, pelarian, malapetaka (gempa bumi, gunung berapi), pemerdagangan manusia, penyeludupan dan tuntutan bertindih merupakan antara isu penting yang mendasari hubungan ini. Keadaan ini bertepatan dengan beberapa konsep yang menjadi asas dalam memahami dasar luar dan keselamatan Malaysia seperti konsep *prosper-thy-neighbour, common security, mutual security, cooperative security* dan sebagainya menjadikan hubungan ini dilihat sebagai sesuatu yang istimewa. Menyedari kepentingan rantau ini, maka buku suntingan ini diharapkan akan memberikan satu gambaran tentang isu-isu yang mewarnai hubungan Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara.

Namun begitu, perlu ditekankan bahawa walaupun buku suntingan ini memfokuskan kepada hubungan dua hala Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara terpilih, fokus perbincangan ini terarah kepada mengelektifikasi isu-isu yang mendasari hubungan tersebut. Pemilihan bab ini dilakukan bukan kerana ia menjadi prioriti dalam hubungan luar Malaysia, tetapi didorong untuk melihat bagaimana Malaysia dan negara-negara terbabit mendepani isu tersebut. Diharapkan buku ini dapat membantu para pelajar dan sesiapa sahaja yang berminat dalam memahami kepentingan Asia Tenggara dalam dasar luar Malaysia.

RAMLI DOLLAH
WAN SHAWALUDDIN WAN HASSAN
RIZAL ZAMANI IDRIS

PENDAHULUAN

Rantau Asia Tenggara dapat difahami melalui pelbagai perspektif. Dari segi geografi misalnya, rantau Asia Tenggara biasanya difahami merujuk kepada dua komponen yang utama iaitu; pertama, negara-negara yang terdapat di tanah besar seperti Kemboja (Kampuchea), Laos, Myanmar (Burma), Thailand, Vietnam dan sebahagian dari Malaysia (Semenanjung Malaysia). Kedua, negara-negara yang berada di luar dari tanah besar, iaitu wilayah maritim tetapi masih dianggap sebagai negara-negara di Asia Tenggara adalah seperti kepulauan Borneo (Sabah, Sarawak (Malaysia), Brunei dan Kalimantan (Indonesia), Indonesia, Filipina, Singapura dan Timor Leste.

Selain itu, negara-negara Asia Tenggara juga boleh difahami melalui organisasi antarabangsa, iaitu menerusi penubuhan Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) pada tahun 1967 yang dipelopori oleh lima buah negara utama, iaitu Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand. Sebelum penubuhan ASEAN,

beberapa usaha telah diambil oleh negara-negara di rantau ini untuk menubuhkan kerjasama. Pada tahun 1961 misalnya, negara-negara seperti Malaysia, Filipina dan Thailand menubuhkan Association of Southeast Asia (ASA). Namun begitu, kerjasama ini tidak bertahan lama kerana terdapatnya beberapa masalah yang berlaku. Hal ini akhirnya membawa kepada kerjasama yang melibatkan tiga buah negara utama, iaitu Malaysia, Filipina dan Indonesia melalui MAPHILINDO pada tahun 1963. Namun begitu, ia turut gagal dalam menangani masalah yang berlaku pada masa tersebut menyebabkan pertubuhan ini terpaksa dibubarkan (ASEAN Secretariat, 2014). ASEAN kemudiannya berkembang apabila keahliannya diperluaskan kepada negara-negara lain. Sehingga kini, terdapat 10 buah negara menganggotai pertubuhan ini bersama-sama dengan negara-negara awal pelopor kepada kerjasama ini. Selain daripada lima buah negara pengasas, antara negara-negara yang menganggotai pertubuhan ini adalah seperti Brunei (1984), Vietnam (1995), Laos (1997), Burma (Myanmar) (1997) dan Kemboja (1999). Berdasarkan kepada perspektif regionalisme ini, kesemua negara yang menjadi ahli dalam pertubuhan ini dianggap sebagai negara-negara rantau Asia Tenggara (ASEAN Secretariat, 2015).

Namun begitu, secara amnya dapat dikatakan bahawa rantau Asia Tenggara hanya menjadi isu penting pada tahun sekitar 1940-an. Seperti yang diujahkan oleh Victor King, pengkaji terkenal Asia Tenggara, persepsi mengenai rantau Asia Tenggara hanya mula muncul dan ditandai apabila berlakunya Perang Pasifik dan juga Perang Dunia Kedua. Negara Jepun yang menjadi penjajah pada masa tersebut melihat rantau Asia Tenggara ini sebagai "southern resources area" dalam strategi *Greater East Asia Co-Prosperity Sphere*. Dalam hal ini, King (2008) menyimpulkan bahawa dari perspektif geopolitik dan geostrategik, Jepun dan blok barat melihat negara-negara yang di kelilingi oleh Laut China Selatan dan pertemuan di antara Lautan Hindi dengan Lautan Pasifik sebagai unit

yang berbeza dari negara India dan China (King, 2008). Akhirnya nama Asia Tenggara diberikan untuk merujuk kawasan tersebut. Selain itu, penubuhan Lord Louis Mountbatten Southeast Asia Command yang berpangkalan di Sri Lanka semasa Perang Dunia Kedua juga secara tidak langsung turut mewujudkan profil rasmi mengenai wilayah Asia Tenggara. Hasilnya selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, beberapa buah institusi pendidikan tinggi di seluruh dunia mula mengkaji mengenai rantau ini. Malah, antara tahun 1941 sehingga 1950-an, beberapa buah buku yang ditulis oleh pengkaji-pengkaji mengenai rantau ini mula menggunakan istilah "Asia Tenggara" dalam tulisan mereka bagi merujuk rantau ini (lihat King, 2008).

Kepentingan rantau Asia Tenggara sememangnya tidak dapat dinafikan. Negara yang terdapat di rantau Asia Tenggara merupakan pengeluar sumber asli seperti bijih timah, kayu balak, minyak, getah dan sebagainya yang sangat diperlukan oleh negara-negara Barat (Radetzki, 2008). Tidak menghairankan sekiranya rantau ini menjadi rebutan kuasa-kuasa besar sejak zaman penjajahan, era perang dingin dan sehingga kini. Malah, dari segi ekonomi juga rantau ini terutamanya di laluan Selat Melaka dan Laut China Selatan dianggap sebagai nadi utama kepada laluan kapal dagang/tangki yang menghubungkan Timur-Barat. Keadaan ini menjadikan rantau Asia Tenggara sebagai kawasan yang strategik dari segi geoekonomi (juga dikenali sebagai *Sea Lines of Communication*, SLOC). Pada hakikatnya, negara kuasa ekonomi dunia di Asia Timur seperti Jepun, Korea Selatan, China dan Taiwan menganggap kawasan ini sebagai nadi utama bagi ekonomi mereka. Kegagalan mengekalkan kestabilan di kawasan ini merupakan ancaman bagi ekonomi negara kuasa ekonomi di Asia Timur terbabit (Ramli Dollah dan Ahmad Tajuddin Mohd Said, 2004; Cole, 2008). Oleh itu, tidak menghairankan Hu Jintao, pemimpin tertinggi China pernah menganggap laluan di Selat Melaka ini sebagai "*China's Malacca dilemma*" bagi

menggambarkan kebimbangan negara terbabit mengenai kemungkinan gangguan laluan minyak di kawasan yang strategik di Selat Melaka ini (Shambaugh, 2013).

Dari aspek ketenteraan dan geopolitik, rantau ini merupakan kawasan yang paling strategik kepada negara-negara yang terlibat dalam peperangan. Tidak menghairankan apabila Amerika Syarikat melihat rantau ini sebagai kawasan yang paling strategik dalam perkiraan keselamatan negara terbabit. Malah, semasa era Perang Dingin, daripada 16 buah selat yang dianggap sangat strategik untuk kapal selam milik Amerika Syarikat di seluruh dunia, empat daripadanya adalah terletak di laluan Laut China Selatan yang berada di Asia Tenggara. Antara laluan-laluan utama ini adalah seperti Selat Melaka, Lombok, Sunda dan Ombai-Wetar (Valencia, 1997).

Dalam konteks Malaysia, rantau Asia Tenggara bukan sahaja dilihat penting dalam dasar luar Malaysia kerana faktor ekonomi, tetapi juga disebabkan oleh faktor kedudukan rantau ini yang berkongsi sempadan maritim dan daratan dengan Malaysia. Oleh itu, Malaysia tidak dapat mengasingkan negara-negara ini daripada isu yang berlaku di Malaysia sekali gus meletakkan negara-negara rantau Asia Tenggara seperti Indonesia, Filipina, Brunei, Thailand dan Singapura, sebagai negara yang paling "strategik" dalam perkiraan dasar luar Malaysia.

Kedudukan geografinya yang hampir dengan Malaysia menyebabkan para pemimpin negara meletakkan rantau ini sebagai kawasan yang utama dalam dasar luar Malaysia. Hal ini jelas melalui penubuhan Divisyen Asia Tenggara (Southeast Asia Division) di Wisma Putra, Kementerian Luar Malaysia yang bertanggungjawab dalam memantau segala perkembangan yang berlaku ke atas lima buah negara di Asia Tenggara yang menjadi pendukung utama kepada penubuhan ASEAN, iaitu Brunei Darussalam, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand. Dalam masa yang sama, bahagian ini juga bertujuan untuk memastikan hubungan baik dengan negara yang baru muncul di rantau ini, iaitu

Demokratik Republik Timor-Leste (sebelumnya dikenali sebagai Timur-Timor) (Wisma Putra, 2014).

Kesungguhan Malaysia dalam hubungannya dengan negara-negara di rantau ini dizahirkan melalui kerjasama ASEAN. Selain itu, komitmen ini turut dibuktikan apabila Malaysia bertindak menubuhkan kedutaan Malaysia di kesemua negara terbabit. Sebagai balasan dan komitmen negara-negara ini dalam hubungannya dengan Malaysia, kesemua negara tersebut juga mempunyai misi diplomatik di Malaysia.

Jelasnya, walaupun rantau Asia Tenggara dianggap penting dalam dasar luar Malaysia, namun kurang kajian atau tulisan yang melihat hubungan ini secara lebih mendalam. Hubungan Malaysia-Indonesia misalnya banyak ditandai dengan konflik, sama ada melibatkan isu besar atau kecil; hubungan Malaysia-Brunei hanya dilihat penting melalui kerjasama yang berlaku di antara penduduk-penduduk di negara terbabit; hubungan Malaysia-Thailand banyak difahami melalui kemunculan gerakan komunis di sempadan suatu masa dahulu; hubungan Malaysia-Filipina yang difokuskan kepada isu tuntutan berterusan Manila ke atas Sabah; hubungan Malaysia-Singapura dilihat melalui persaingan yang berlaku dalam kalangan pemimpin kedua-dua negara. Menyedari akan kepentingan melihat isu dan tema dalam hubungan Malaysia dan negara-negara di Asia Tenggara, buku ini merupakan pelengkap kepada karya-karya sebelum ini yang melihat hubungan Malaysia dengan negara-negara di rantau Asia Tenggara.

Namun begitu, dalam buku suntingan ini, ia tidak bermatlamat untuk melihat hubungan luar Malaysia dengan ASEAN, pertubuhan Asia Tenggara, tetapi ia lebih cenderung melihat hubungan ini dari aspek bilateral. Hal ini demikian kerana, hubungan antara sebuah negara dengan negara lain yang terdapat di Asia Tenggara adalah berbeza antara satu dengan yang lain dan ia banyak diwarnai dengan beberapa isu dan tema yang berbeza serta banyak dipengaruhi oleh faktor sejarah, agama,

struktur ekonomi, bentuk kerajaan, konflik dan masalah di negara jiran.

Buku ini dibahagikan kepada beberapa bahagian dengan memfokuskan kepada beberapa isu utama dalam melihat hubungan Malaysia dengan negara-negara di rantau Asia Tenggara. Pemilihan isu atau tema dalam hubungan ini banyak didorong oleh faktor kepentingan dan ketersediaan sesuatu isu tersebut. Dengan kata lain, isu dan tema yang dipilih dalam buku ini hanyalah merupakan sebahagian daripada isu dan tema dalam hubungan negara terbabit.

Selain itu, buku ini juga tidak memfokuskan kepada satu-satu perspektif, konsep atau teori dalam melihat hubungan tersebut. Hal ini demikian kerana, isu-isu dan tema yang dibincangkan lebih menjadi keutamaan kepada para penulis. Namun begitu, ini tidak bermakna pendekatan teori tidak penting dalam memahami hubungan ini, tetapi penulis melihat bahawa isu ini boleh dilihat daripada perspektifnya yang tersendiri. Namun begitu, apa yang pasti keterlibatan Malaysia dalam isu-isu ini tidak dapat dipisahkan daripada melihat mengenai kepentingan nasional dan matlamat dasar luar Malaysia yang cuba menonjolkan Malaysia sebagai salah satu aktor dan pemain penting serantau.

Perbincangan dalam buku ini bermula dengan membincangkan beberapa isu penting hubungan Malaysia dengan negara jiran. Dalam hal ini, Wan Shawaluddin Wan Hassan dan Rizal Zamani Idris melihat bahawa Malaysia sebagai sebuah entiti berdaulat sejak kemerdekaannya pada tahun 1957, Malaysia tidak dapat mengelakkan daripada berhadapan dengan beberapa isu penting dengan negara jiran. Dalam hal ini, para penulis melihat bahawa faktor kedekatan merupakan faktor utama yang mempengaruhi hubungan ini. Meskipun hubungan Malaysia dengan negara jirannya diwarnai kerjasama, namun tidak dapat dinafikan ketegangan serta konflik turut berlaku. Oleh itu, dengan menggunakan beberapa isu penting, kedua-dua penulis berusaha menunjukkan beberapa isu penting dalam hubungan Malaysia dengan negara jiran dengan

memilih empat buah negara, iaitu Filipina, Thailand, Indonesia dan Singapura.

Seterusnya, dalam bab Realisme Defensif dan Hubungan Indonesia-Malaysia Selepas Era Suharto cuba membincangkan mengenai hubungan Indonesia-Malaysia era pasca-Suharto (1998–2008). Dalam hal ini, penulis cuba memberikan perspektif berbeza dalam memahami dasar luar Indonesia yang sebelum ini banyak difahami melalui kerangka neorealisme dan liberalisme yang melihat struktur antarabangsa banyak mempengaruhi tindakan dan tingkah laku aktor-aktor di peringkat antarabangsa. Dengan menggunakan pendekatan realisme defensif, bab ini cuba melihat bagaimana faktor domestik seperti faktor kepimpinan, nasionalisme dan peranan media sangat mempengaruhi hubungan Indonesia-Malaysia. Dengan menggunakan pendekatan ini, penulis memfokuskan perbincangan kepada beberapa isu yang berlaku di antara Malaysia-Indonesia antaranya adalah pertikaian wilayah di Ambalat dan isu pekerja asing dalam memahami bagaimana pemboleh ubah, serta faktor domestik ini sangat penting dalam memahami proses pembuatan keputusan dan reaksi Indonesia ke atas isu-isu yang berbangkit ini.

Seterusnya, Ahmad Nizar Yaakub dan Siti Zanariah Ahmad Ishak membincangkan hubungan Malaysia-Indonesia era pentadbiran Dato' Sri Mohd Najib di Malaysia dan dua pemimpin utama Indonesia, iaitu Susilo Bambang Yudhoyono (SBY) (2004–2014) dan Joko Widodo (Jokowi) (2014–kini). Dalam meneliti hubungan Malaysia-Indonesia, kedua-dua penulis cuba melihat isu-isu penting yang mendasari kepada hubungan ini. Dalam hal ini, penulis mengenal pasti beberapa isu penting yang mempengaruhi hubungan Malaysia-Indonesia sepanjang era pentadbiran Dato' Sri Mohd Najib. Antara isu tersebut adalah isu persoalan budaya, isu pembantu rumah dan pendatang di Malaysia dan beberapa isu maritim lain misalnya, isu pertindihan wilayah, isu penangkapan ikan

secara haram dan juga pelanunan di Selat Melaka. Dalam hal ini, kedua-dua penulis berhujah bahawa, walaupun wujudnya kemelut dan cabaran dalam hubungan kedua-dua buah negara ini, namun pemimpin kedua-dua buah negara mahukan kerjasama berterusan terutama dari segi perdagangan dan pelaburan di samping saling menghormati di antara satu dengan yang lain.

Nordin Sakke, Ramli Dollah dan Azmi Ahmad Baharom cuba meninjau persoalan air dalam hubungan Malaysia-Indonesia dengan membincangkan pengurusan dan cabaran air di Pulau Sebatik, pulau yang dikongsi oleh dua buah negara, iaitu Malaysia-Indonesia di Pantai Timur Sabah. Dalam hal ini, penulis melihat bahawa, isu air untuk keperluan domestik merupakan cabaran besar kepada pulau ini disebabkan oleh bentuk muka bumi dan ciri kepulauan kawasan ini. Oleh itu, penulis melihat bahawa sekiranya isu dan masalah keperluan air tawar ini tidak ditangani dengan bijak, ia akan menyumbang banyak masalah kepada pulau ini untuk tempoh yang panjang. Oleh itu, bagi melihat isu ini, penulis berhujah bahawa maklumat berkaitan jumlah sumber air tawar di Pulau Sebatik perlu disusuri bagi menyusun fakta-fakta berkaitan sumber air yang tidak tersusun capaiannya daripada kedua-dua buah negara. Penyusunan maklumat ini perlu bagi memastikan keperluan asasi air warga pulau ini dapat diurus dan dijamin bekalan yang berterusan. Lantaran itu, bab ini cuba melihat pengurusan sumber air tawar khususnya hujan, sungai, empangan dan air bawah tanah di kedua-dua bahagian di pulau ini. Dalam masa yang sama, bab ini turut dibincangkan mengenai cabaran yang dihadapi bagi memastikan stok simpanan air mentah sentiasa terjamin.

Seterusnya, dalam bab yang ditulis oleh A. Rahman Tang, iaitu Isu Air dan Hubungan Malaysia-Singapura cuba memahami hubungan kedua-dua negara ini melalui perspektif sejarah. Dalam hal ini, perbincangan memfokuskan kepada isu air yang berlaku di antara

kedua-dua buah negara. Penulis melihat bahawa, wujud masalah dalam memahami isu ini kerana fokus hanya diberikan kepada perjanjian yang berlaku antara tahun 1961 dan 1962. Walhal menurut penulis, memahami isu ini sepanjang tempoh ini belum cukup "komprehensif" dalam memahami masalah yang berlaku. Oleh itu, penulis berhujah bahawa, isu ini hanya boleh difahami melalui perspektif yang lebih holistik dengan meninjau masalah isu air Johor (Malaysia)-Singapura ini berdasarkan perjanjian-perjanjian dan persetujuan yang berlaku lebih awal lagi, iaitu bermula antara tahun 1904 sehingga tahun 1961. Melalui pemilihan tempoh ini, ia akan dapat membantu memahami isu-isu tersebut secara lebih mendalam dan memahami bagaimana persetujuan yang dicapai pada tahun 1961 dan 1962 tersebut difahami dalam konteks hari ini.

Bab seterusnya membincangkan penglibatan Malaysia dalam konflik di selatan Filipina. Bab ini memfokuskan kepada peranan yang dimainkan oleh pihak ketiga, iaitu Malaysia dalam konflik di wilayah bergolak di selatan Filipina. Dalam hal ini, penulis berhujah bahawa faktor keselamatan negara merupakan alasan utama Malaysia terlibat dalam konflik yang berlaku di kawasan ini. Penulis melihat peranan pihak ketiga perlu dalam konflik seperti ini. Malaysia dilihat mampu memainkan peranan yang penting sebagai pemudah cara kepada konflik ini kerana beberapa faktor, termasuk kepakaran dan kemampuan Malaysia dalam mengurus konflik-konflik yang lebih besar. Penulis juga berhujah bahawa keterlibatan Malaysia banyak didorong oleh beberapa faktor lain terutamanya yang berkaitan dengan keselamatan bersama yang diterjemahkan melalui konsep *prosper-thy-neighbour* yang dikembangkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun-tahun 1990-an. Para pemimpin Malaysia melihat keterlibatan ini sebagai satu cara mengurangkan masalah yang berlaku di Malaysia seterusnya membantu mewujudkan sebuah wilayah aman di Mindanao.

Dalam bab yang ditulis oleh Ramli Dollah dan Zainus Sagi Khusyairy Pangkas pula membincangkan pendekatan diplomasi yang digunakan oleh Putrajaya-Manila dalam menguruskan hubungan kedua-dua buah negara. Dengan menggunakan kejadian Tanduo sebagai contoh, kajian ini melihat bahawa kedua-dua pihak, iaitu Malaysia dan Filipina inginkan isu pencerobohan oleh pengikut-pengikut Kiram ini diselesaikan menggunakan saluran keamanan. Oleh itu, sepanjang tempoh Februari hingga Mac 2013, para pemimpin kedua-dua buah negara ini secara konsisten meneruskan pendekatan diplomasi melalui rayuan, permohonan, rundingan dan pujukan dalam memastikan isu pencerobohan Tanduo ini tidak berakhir dengan penggunaan ketenteraan. Walaupun pada akhirnya didapati bahawa pendekatan diplomasi ini tidak berjaya dalam mengawal pertumpahan darah antara pihak penceroboh dan pasukan keselamatan Malaysia, namun hakikatnya usaha-usaha berterusan yang diambil oleh kedua-dua belah pihak menunjukkan komitmen kedua-dua negara untuk memastikan keamanan serantau sekali gus mewujudkan hubungan yang baik di antara kedua-dua buah negara terbabit.

Crall Marck Bait dan Maureen De Silva cuba melihat peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam konflik antarabangsa dengan melihat reaksi dan peranan Malaysia dalam isu dan konflik yang melibatkan masyarakat Rohingya sama ada di Malaysia atau di Myanmar. Penulis dalam hal ini cuba menjawab persoalan bagaimana Malaysia memberi reaksi terhadap masalah Rohingya dan mengidentifikasikan faktor atau perkiraan yang mendasari tindakan serta dasar yang diambil oleh kerajaan Malaysia dalam mendepani isu ini. Dalam memahami persoalan ini, penulis membincangkan pencabulan hak asasi manusia masyarakat Rohingya yang dilakukan secara sistematik oleh rejim tentera di Myanmar. Malangnya, Malaysia dalam hal ini tidak konsisten dalam mendepani isu tersebut. Bagi penulis, kekangan ini disebabkan oleh beberapa faktor

antaranya adalah kerana keengganan Malaysia dalam meratifikasi beberapa peraturan dan undang-undang antarabangsa yang berkaitan dengan Hak Asasi Manusia dan pelarian. Di samping itu, masalah ini juga adalah disebabkan oleh prioriti dan dasar Malaysia yang dilihat agak dilema sama ada terlibat dalam konflik dan masalah hak asasi manusia seperti ini atau meneruskan hubungan baiknya dengan Myanmar di samping Malaysia seolah-olah terperangkap dalam Dasar Tidak Campur Tangan yang menjadi prinsip asas ASEAN, iaitu Malaysia sendiri menjadi ahlinya.

Bab hubungan Malaysia-Thailand dan isu selatan Thailand membincangkan peranan serta dilema yang dialami oleh Malaysia dalam berhadapan dengan konflik di selatan Thailand. Dalam menjelaskan isu ini, para penulis bermula dengan melihat aspek sejarah dalam memahami pola hubungan dan dasar luar Malaysia serta Thailand. Ia juga menjelaskan mengenai hubungan yang erat antara Malaysia penduduk selatan Thailand. Hal ini dizahirkan melalui reaksi yang diberikan oleh aktor domestik dalam tuntutan mereka ke atas isu tersebut. Namun begitu, dalam masa yang sama, Malaysia turut terikat kepada peraturan antarabangsa/serantau, iaitu Malaysia menjadi ahli; misalnya Dasar Tidak Campur Tangan. Konflik yang berterusan di selatan Thailand ini meletakkan Malaysia dalam keadaan dilema sama ada perlu mengambil tindakan ke atas kekejaman yang berlaku di selatan Thailand atau terus berpegang kepada dasar tidak campur tangan. Oleh itu, bab ini juga akan melihat reaksi dan tindak balas Malaysia dalam menjaga hubungan dengan negara jiran di samping cuba membantu keadaan masyarakat Islam yang dizalimi. Berdasarkan perbincangan ini, para penulis menyimpulkan bahawa faktor domestik; terutamanya berkaitan dengan isu Islam dan pengaruh UMNO sangat penting dalam memahami konflik dan bagaimana reaksi Malaysia terhadap isu di selatan Thailand ini. Ia sekali gus mencabar pandangan

neorealisme yang melihat bahawa tingkah laku negara ini ditentukan oleh faktor antarabangsa.

Bab seterusnya membincangkan mengenai hubungan Malaysia-Brunei dengan memfokuskan perbincangan kepada isu tuntutan ke atas Limbang. Penulis dalam bab ini berhujah bahawa, isu Limbang yang menjadi pertikaian antara Malaysia-Brunei banyak difahami dalam kerangka pemikiran sejarah. Oleh itu, kajian ini cuba melihat isu ini daripada perspektif sejarah. Malangnya, kajian-kajian ini banyak memfokuskan kepada peranan pihak berkuasa kedua-dua buah negara. Oleh itu, bab ini cuba memberikan perspektif berbeza mengenai tuntutan ke atas Limbang dengan memfokuskan perbincangan melalui sejarah dari bawah dan bagaimana masyarakat setempat di Limbang melihat sejarah wilayah yang menjadi tuntutan ini berdasarkan kepada perspektif mereka sendiri. Dalam hal ini, penulis melihat bahawa peranan masyarakat dalam memahami isu ini adalah sangat penting kerana mereka merupakan sebagai pelaku sejarah mahupun mereka yang hanya menerima kesan daripada peristiwa ini. Hal ini sekali gus memberikan perspektif kepada persoalan bagaimana memahami isu ini secara lebih holistik.

Bab seterusnya membincangkan hubungan Malaysia-Vietnam dan pertindihan wilayah di Laut China Selatan dengan melihat pendekatan *joint development* dalam hubungan Malaysia-Vietnam terutamanya dalam menguruskan konflik di kawasan yang bertindih di kepulauan Spratly. Dalam hal ini, penulis berhujah bahawa wujudnya potensi untuk berlaku konflik di kawasan yang bertindih di Kepulauan Spratly bukan sahaja dalam kalangan negara yang terlibat, malah turut memberikan kesan negatif terhadap negara-negara lain di rantau Asia Tenggara sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial. Tambahan pula asas tuntutan dikemukakan mengikut undang-undang antarabangsa, Konvensyen Undang-undang Laut (United Nations Convention on the Law of the Sea - UNCLOS III) dan faktor sejarah. Hal ini menjadikan pertikaian tersebut

semakin rumit untuk diselesaikan. Menyedari akan hal ini, penulis berusaha menganalisis kelangsungan hubungan bilateral Malaysia-Vietnam dalam pertikaian Spratly serta langkah-langkah yang diambil oleh kedua-dua belah pihak ke arah penyelesaian tersebut dengan menekankan keperluan kepada pembangunan bersama antara kedua-dua buah negara ini.

Bab yang ditulis bersama oleh Jarolyne James, Wan Shawaluddin Wan Hassan dan Ramli Dollah pula membincangkan tentang hubungan Malaysia-Timor Leste pada tahun 2002 hingga 2015. Dalam bab ini, penulis cuba melihat beberapa aspek penting dalam hubungan Malaysia-Timor Leste dengan menekankan kepada bantuan dan kerjasama yang terjalin antara kedua-dua buah negara ini. Walaupun hakikatnya penulis mengakui bahawa Timor Leste tidak mempunyai nilai strategik dari segi ekonomi kepada Malaysia, disebabkan Timor Leste dilihat sebagai sebuah negara yang miskin, namun penulis melihat bahawa Malaysia mempunyai peranan yang sangat besar dalam membantu jiran yang baru merdeka ini. Oleh itu, fokus utama perbincangan penulis dalam bab ini adalah untuk melihat bagaimana Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih maju dan berpengalaman dalam proses pembentukan negara bangsa dapat membantu proses pembinaan bangsa negara yang baru merdeka ini seterusnya mampu mewujudkan keamanan di negara terbabit yang dilihat amat penting dalam membantu mewujudkan kestabilan serantau di Asia Tenggara.

Bab kesimpulan yang ditulis bersama oleh Ramli Dollah dan Wan Shawaluddin Wan Hassan cuba untuk menilai peranan konsep bilateralisme dan multilateralisme dalam memahami hubungan serantau Malaysia di rantau Asia Tenggara. Dalam bab ini, kedua-dua penulis menilai kepentingan konsep-konsep ini dalam memahami hubungan Malaysia di rantau. Penulis menyimpulkan bahawa, kedua-dua elemen ini amat penting dalam memahami hubungan dan dasar luar Malaysia di rantau Asia Tenggara dan

menekankan bahawa kedua-dua elemen ini mempunyai kekuatan yang tersendiri dalam memahami hubungan luar Malaysia di rantau Asia Tenggara.

Diharapkan melalui bab-bab yang dibincangkan ini akan dapat membantu para pengkaji, penganalisis, pelajar atau sesiapa sahaja yang berminat untuk memahami dan mendalami mengenai kepentingan serta isu-isu yang berkaitan dengan Malaysia dan hubungannya dengan negara jiran. Selain itu, ia juga akan dapat membantu menjelaskan bagaimana Malaysia terlibat secara bilateral (dua hala) dalam menangani dan menguruskan isu-isu yang berbangkit. Di samping itu juga, bab-bab yang dibincangkan dalam karya suntingan ini akan dapat membantu memudahkan sesiapa sahaja yang berminat dalam memahami mengenai dasar luar Malaysia di Asia Tenggara amnya.

RAMLI DOLLAH

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, buku *Isu-Isu Terpilih dalam Hubungan Malaysia dengan Negara Serantau Asia Tenggara* ini akhirnya berjaya disiapkan. Dalam usaha menyiapkan penulisan ini, para penyunting dan penulis ingin memberi ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada pihak-pihak yang terlibat menjayakan dan berterusan memberi sokongan sehinggalah ke proses akhir penerbitan buku ini.

Ucapan penghargaan ditujukan kepada Prof. Datuk Dr. D. Kamarudin D. Mudin, Naib Canselor UMS dan Prof. Ismail Ibrahim Dekan FKSW, UMS atas sokongan berterusan mereka. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada rakan-rakan penulis, rakan-rakan dalam program dan Fakulti Kemanusiaan, UMS dan yang sentiasa berterusan memberikan sokongan dalam menjayakan penulisan ini. Tidak dilupakan kepada para pelajar pascasiswazah, Modwin, Amrullah, Dewi, Asniezah dan Arshiah yang

banyak membantu kerja penyuntingan. Sekalung budi untuk Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), terutamanya Encik Mohd. Amizi Ikman Amran dan staf DBP yang lain kerana berhempas-pulas memastikan manuskrip ini berjaya diterbitkan. Terima kasih kepada Kementerian Pendidikan atas geran penyelidikan FRG0331-SS-1/2013 dan ERGS0018-PK-1/2012 yang banyak memudahkan penyunting menyiapkan proses penyuntingan buku ini. Akhir sekali, kepada keluarga kami yang sangat memahami kerjaya sebagai seorang akademik yang memerlukan pengorbanan masa dan tenaga. Tanpa pengorbanan dan kesabaran kalian, buku ini tidak akan berjaya dihasilkan.

RAMLI DOLLAH

SENARAI SINGKATAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
NKBU	Negara Kalimantan Borneo Utara
NLD	National League for Democracy
AFTA	ASEAN Free Trade Area
AMDA	Anglo-Malayan Defense Agreement
AMF	Asian Monetary Fund
AMLA	Anti-Money laundering act
AMM	ASEAN Ministerial Meeting
APEC	Asia-Pacific Economic Cooperation
ARMM	Autonomous Region of Muslim Mindanao
AS	Amerika Syarikat
ASA	Association of Southeast Asia

politik di Indonesia terutamanya yang duduk di parlimen dan juga oleh presiden sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa faktor persaingan antara elit politik menjadi faktor penting dalam mempengaruhi hubungan dua hala Malaysia-Indonesia.

Sememangnya dengan melihat fenomena sejak kebelakangan ini, hubungan kedua-dua buah negara memerlukan satu kerangka hubungan dua hala yang baharu. Hal ini demikian kerana, perubahan-perubahan di kedua-dua buah negara akan berterusan berlaku berikutan perubahan di peringkat antarabangsa. Situasi antarabangsa yang semakin rumit menjadikan negara perlu mengambil kira elemen-elemen seperti identiti dan norma. Oleh itu, dalam kerangka baharu hubungan Indonesia-Malaysia sudah semestinya elemen-elemen tersebut perlu mendapatkan tumpuan. Peranan media dan kemudahan mendapatkan sumber maklumat semestinya digunakan bagi memperhebat persefahaman dan bukan sebaliknya. Selain itu, perkara-perkara yang boleh membawa kepada timbulnya konflik dan ketegangan hubungan dua hala perlu dihindari. Oleh itu, kedua-dua buah negara perlu memandangkan hubungan antarabangsa lebih optimistik dengan mengutamakan kerjasama.

Dalam konteks hubungan Indonesia-Malaysia pada masa yang akan datang, pendapat ini perlu untuk diketengahkan. Selain itu, ketegasan kerajaan Indonesia dan Malaysia dalam mengawal hubungan dua hala amat diperlukan. Kebebasan media pemberitaan dan peranan elit politik domestik yang tidak bertanggungjawab sangat tidak menguntungkan kedua-dua buah negara. Oleh itu, kedua-dua buah negara perlu mengelak daripada perkara-perkara yang boleh menjejaskan hubungan dua hala terutamanya kepentingan politik jangka pendek.

HUBUNGAN MALAYSIA-INDONESIA DARI TAHUN 2009 HINGGA 2017

Ahmad Nizar Yaakub
dan Siti Zanariah Ahmad Isahak

Hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia boleh dikatakan "hubungan istimewa". Dalam konteks diplomasi, "hubungan istimewa" merujuk kepada keadaan terdapat pertalian erat antara negara, malah wujud semangat persaudaraan antara pemimpin dan rakyat. Bekas Perdana Menteri Britain, Winston Churchill (1940 hingga 1945 dan 1951 hingga 1955) pernah menggunakan "hubungan istimewa" untuk merujuk pertalian erat hubungan budaya, sejarah dan politik antara Britain dan Amerika Syarikat. Dalam konteks Malaysia dan Indonesia, "hubungan istimewa" ini berlandaskan kepada semangat "serumpun" dan "Nusantara" yang telah menjadi asas hubungan sejak kedua-dua negara mencapai kemerdekaan. Nusantara bermaksud kepulauan atau *archipelago* dalam tulisan lama Jawa dan serumpun bermula daripada asas perkataan rumpun (Ahmad Nizar, 2015). Dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia serumpun membawa maksud

kelompok, rumpun, keluarga, kumpulan, ras atau bangsa. Serumpun merujuk kepada idea pengenalan bersama atas dasar keturunan ras.

Bab ini bertujuan menganalisis hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia di bawah pemerintahan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak menggunakan pendekatan konstruktivisme. Terdapat tiga bahagian utama dalam bab ini, iaitu bahagian pertama mengenal pasti konsep hubungan dua hala dan perspektif konstruktivisme, bahagian kedua menerangkan peralihan dan dasar luar Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan bahagian terakhir menganalisis hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia sepanjang era pentadbiran Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

HUBUNGAN DUA HALA DAN PERSPEKTIF KONSTRUKTIVISME

Hubungan dua hala ialah perhubungan atau diplomasi antara dua buah negara. Sementara itu, alternatif lain bagi hubungan dua hala ialah hubungan pelbagai hala atau tindakan sehalu. Hubungan dua hala ini dikatakan "lebih efektif dan telus kerana hanya dua buah negara yang terlibat membincangkan isu yang ada kena-mengena di antara kedua-duanya" (Omar dan Mukhtaruddin, 2010). Hubungan tersebut juga dikatakan lebih fleksibel kerana kurang halangan dan rintangan berbanding dengan keterlibatan banyak negara dalam hubungan pelbagai hala untuk mencapai kerjasama dan kesepakatan. Hubungan dua hala banyak membawa manfaat ketika situasi aman wujud antara dua buah negara kerana sebarang masalah dapat diselesaikan secara perundingan. Namun begitu, sekiranya keadaan tegang wujud antara dua buah negara maka perundingan amat sukar diselesaikan sehingga kedua-dua buah negara memerlukan pengantara bagi menyelesaikan masalah mereka.

Dalam era pascaperang dingin, ramai ahli teori hubungan antarabangsa telah membuat kesimpulan bahawa, teori-teori seperti realisme/neorealisme, liberalisme/neoliberalisme dan neo-Marxisme telah gagal memberikan penjelasan yang mencukupi kepada perubahan yang berlaku dalam hubungan antarabangsa (Walt, 1998). Konstruktivisme merupakan satu pendekatan baharu dalam kajian hubungan antarabangsa dengan membentangkan jalan keluar dari kemelut ini dengan hujah bahawa faktor-faktor *ideational* (idea atau konsep) seperti norma-norma sosial boleh menentukan atau menentukan semula kepentingan negara-negara dan seterusnya mempengaruhi dasar mereka serta mengakibatkan transformasi dalam hubungan antarabangsa (Wendt, 1999; Katsumata, 2004). Konstruktivisme juga menawarkan pendekatan alternatif yang menunjukkan betapa banyaknya aspek teras hubungan antarabangsa melalui proses sosial.

Hampir semua pendukung perspektif konstruktivisme sepakat bahawa tingkah laku negara dibentuk oleh "faktor bukan kebendaan". Budaya, ras, golongan elit/kepemimpinan, agama dan identiti kebangsaan adalah antara faktor bukan kebendaan yang perlu diteliti untuk lebih memahami tingkah laku sebuah negara berhubung dengan negara-negara lain di arena antarabangsa. Faktor bukan kebendaan sering diabaikan atau kurang dikaji dalam teori-teori antarabangsa terdahulu yang banyak memberikan tumpuan kepada kuasa tentera/ekonomi dan sistem antarabangsa yang disokong oleh imbalan kuasa telah menyediakan rangka kerja berguna untuk memahami hubungan dua hala seperti Malaysia dan Indonesia.

MALAYSIA: DARI ABDULLAH KE NAJIB RAZAK

Pada 28 Mac 2009 di Perhimpunan Agung UMNO, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak mengambil alih jawatan presiden UMNO daripada Tun Abdullah Ahmad

Badawi. Beliau menjadi Perdana Menteri keenam Malaysia pada 3 April 2009. Sebagai tanda isyarat kesyukuran di atas pelantikan beliau dan untuk membuktikan bahawa kerajaannya tidak menindas, beliau membebaskan 13 tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (Mazwin dan Cheah, 2009) terdiri daripada dua orang ahli kumpulan Hindu Rights Action Force (Hindraf) yang diharamkan, seorang ahli Jemaah Islamiah (JI), tujuh ahli kumpulan Darul Islam (DI) dan tiga warga asing yang terlibat dalam pemalsuan dokumen.

Bagi ahli-ahli kabinet baharu, beliau bertindak melantik 28 anggota dengan tujuh muka baru termasuk Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Anifah Aman. Pelantikan Datuk Seri Anifah Aman telah memecah tradisi, beliau merupakan ahli Parlimen pertama dari Malaysia Timur (Sabah) memegang jawatan penting tersebut. Hal ini disebabkan sumbangan peratusan kerusi Parlimen yang lebih besar daripada negeri Sabah kepada Barisan Nasional (BN). Kemudiannya, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak juga melantik dua Timbalan Menteri Luar Negeri yang pertamanya, Datuk Richard Riot anak Jaem dari Sarawak dan kedua, Senator Datuk A. Kohilan Pillay.

DASAR LUAR MALAYSIA ERA AWAL PENTADBIRAN NAJIB RAZAK

Dalam tempoh 100 hari sebagai Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak tidak membuat perubahan *substantif* kepada postur dan orientasi dasar luar, tetapi memulakan beberapa inisiatif penting mengenai tindakan dalam dasar luar (Saravanamuttu, 2010). Seperti Tun Abdullah Ahmad Badawi, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak tetap memberikan penekanan kepada kerjasama serantau seperti Pertubuhan Serantau Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Nations, ASEAN), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Asia-Pacific Economic

Cooperation, APEC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (Non-Aligned Movement, NAM) dan Organisasi Kerjasama Islam (Organization of Islamic Cooperation, OIC). Namun begitu, beliau memberikan penekanan yang lebih kepada aspek menjalinkan hubungan dua hala dengan negara-negara terdekat dan rakan niaga utama seperti Amerika Syarikat, China, Indonesia, Jepun dan Singapura.

Sejurus mengambil jawatan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dijadualkan untuk menghadiri Mesyuarat Sidang Kemuncak ASEAN pada 3 April 2009 di Pattaya, Thailand. Walau bagaimanapun, mesyuarat tersebut terpaksa ditangguhkan kerana demonstrasi antikerajaan secara besar-besaran di Pattaya. Oleh itu, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah memulakan lawatan rasmi pertama ke Indonesia selama dua hari pada 22 hingga 23 April 2009 untuk bertemu dengan Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhono. Lawatan ini menunjukkan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak meletakkan hubungan dua hala dengan Indonesia di tangga teratas dibandingkan dengan negara lain. Kedua-dua pemimpin bersetuju meneroka kerjasama dalam bidang pertahanan dan tenaga. Menurut Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Susilo Bambang Yudhono mengalu-alukan kemungkinan Malaysia mengeksport tenaga elektrik yang dijana daripada projek Hidroelektrik Bakun di Sarawak ke Kalimantan, Indonesia. Hubungan awal yang baik antara Malaysia dan Indonesia kemudian menjadi tegang disebabkan beberapa isu terutamanya mengenai pembantu rumah Indonesia, budaya dan wilayah sempadan yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab ini.

Seterusnya, Brunei Darussalam merupakan hentian kedua untuk Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang bertemu dengan Sultan Hassanal Bolkiah pada 30 April 2009 dan kedua-dua pemimpin bersetuju untuk menyelesaikan isu tanah serta penandaan sempadan maritim.

Di-Singapura, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah bersetuju bersama rakan sejawatannya Lee Hsien Loong, Perdana Menteri Singapura untuk menyelesaikan isu-isu seperti Titik Perjanjian (POA) dan tanah kepunyaan Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Singapura yang telah terhenti selama 18 tahun. Pada 24 Mei 2010, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan Lee Hsien Loong mengumumkan persetujuan yang telah dicapai antaranya stesen kereta api KTM akan dipindahkan dari Tanjong Pagar ke Woodlands. Selain itu, tiga bidang tanah KTM di Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands dan tiga bidang tanah di Bukit Timah akan dibangunkan bersama dan ditukar ganti dengan nilai setara tanah di bahagian-bahagian lain di Singapura (Saravanamuttu, 2010).

Pada Jun 2009, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak melakukan lawatan rasmi ke Korea Selatan untuk menandatangani Kenyataan Bersama Sidang Kemuncak ASEAN-ROK dengan pemimpin-pemimpin lain. Di Korea Selatan, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak menegaskan pendirian Malaysia mengenai Asia sebagai rantau bebas daripada senjata nuklear dan pernyataan tersebut dihargai oleh Perdana Menteri Korea Selatan, Lee Myung-bak. Semasa pulang dari Korea Selatan, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah singgah di China untuk menghadiri sambutan ulang tahun ke-35 pembukaan hubungan diplomatik di antara Malaysia dan China. Perdana Menteri China, Wen Jiabao memuji bapa Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, iaitu Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kedua Malaysia kerana inisiatifnya membuka hubungan diplomatik dengan China pada tahun 1974 tanpa menghiraukan perbezaan ideologi. Hubungan dua hala dengan China telah diperkukuhkan lagi apabila Presiden Ho Jintao melawat Malaysia pada November 2009.

Hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat juga telah diperkukuhkan apabila Dato' Sri Mohd Najib Tun

Abdul Razak berbual melalui telefon dengan Presiden Barak Obama pada 26 Jun 2009. Kedua-dua pemimpin tersebut membincangkan mengenai isu-isu dua hala serta situasi di Korea Utara, Afghanistan dan Iraq. Presiden Barak Obama menyatakan persetujuan beliau dengan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak mengenai kawasan bebas nuklear bagi rantau Asia, khususnya di Semenanjung Korea. Sementara itu, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak bersetuju untuk membantu Presiden Barak Obama membuka dialog yang lebih besar antara Washington dan Tehran kerana Malaysia mempunyai hubungan baik dengan Iran. Beliau juga bersetuju dengan cadangan Presiden Barak Obama supaya Malaysia mengambil peranan dalam pembinaan semula Afghanistan. Akhirnya, Malaysia telah menghantar 40 anggota pasukan perubatan Angkatan Tentera Malaysia ke Bamiyan, Afghanistan (Misi kemanusiaan, 2011).

ISU PENTING HUBUNGAN MALAYSIA-INDONESIA ERA NAJIB RAZAK-SUILO BAMBANG YUDHOYONO (2009-2014)

Semasa Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia, Indonesia pada masa tersebut di bawah pentadbiran Suilo Bambang Yudhoyono. Di bawah pimpinan kedua-dua tokoh terkemuka ini, terdapat beberapa isu penting yang mendasari hubungan Malaysia-Indonesia pada masa itu. Antara isu utama sepanjang tempoh tersebut adalah seperti persoalan budaya, pembantu rumah warga Indonesia, pertindihan sempadan dan maritim negara serta isu penangkapan ikan secara haram.

Persoalan dan Persaingan Budaya

Isu budaya muncul apabila tuduhan telah dibuat terhadap Malaysia kerana "mencuri" budaya dan amalan Indonesia

misalnya lagu kebangsaan, *Negaraku* dikatakan diambil daripada lagu Indonesia, iaitu *Terang Bulan*; lagu *Rasa Sayang* daripada lagu *Rasa Sayange di Maluku*; Tarian Topeng Ponorogo dari Jawa; Wayang Kulit dari Jawa Tengah; Angklung dan Kuda Lumping dari Jawa Timur; Tarian Ninang Garinging dari Sumatra Barat; dan Tor-tang serta Gendang Gordang Sambilan dari Sumatera Utara. Pertuduhan timbul oleh sebab kurangnya pemahaman kebanyakan rakyat Indonesia tentang pertindihan sejarah, ras dan budaya yang sama dengan Malaysia. Hal ini diburukkan lagi oleh jurang generasi seperti generasi muda di kedua-dua negara kurang pengetahuan dan pemahaman mengenai satu sama lain akibat sistem pendidikan yang kurang memberi pendedahan terhadap negara jiran terdekat, terutamanya dalam aspek sejarah dan geografi serta keterbatasan interaksi antara generasi muda tersebut.

Isu ini semakin memuncak apabila Rakyat Indonesia mula menunjukkan kemarahan mereka apabila saluran *Discovery TV Asia* yang berpangkalan di Singapura telah menyiarkan program iklan pelancongan Malaysia yang bertajuk "Malaysia Mempesonakan" yang menggambarkan bahawa, tarian Pendet Bali adalah tarian asal Malaysia. Akibatnya, perkataan menghina seperti "Malingsia" atau pencuri telah digunakan di Internet oleh pengguna Indonesia kerana mendakwa Malaysia mencuri budaya Indonesia. Di samping itu, demonstrasi jalanan telah diadakan oleh rakyat Indonesia di depan Kedutaan Malaysia di Jakarta. Sekumpulan penunjuk perasaan yang didalangi oleh Benteng Demokrasi Rakyat (Bendera) telah membawa sepanduk "Ganyang Malaysia" dan membakar bendera Malaysia serta memberhentikan kenderaan di Jalan Diponegoro, Jakarta dengan memegang buluh tajam untuk mencari warganegara Malaysia (*Utusan Online*, 9 September 2009). Tindakan lambat pihak berkuasa Indonesia dalam membendung penunjuk perasaan telah

dikritik oleh pemerintah Malaysia. Sesetengah pihak beranggapan pemerintah Indonesia sengaja membiarkan penunjuk perasaan melakukan provokasi melampau untuk mengalihkan perhatian rakyat daripada isu-isu domestik seperti kemiskinan, pengangguran dan kenaikan harga barangan asas.

Peristiwa-peristiwa provokasi melampau oleh rakyat Indonesia ini telah memaksa kerajaan Malaysia untuk memberikan amaran keras kepada rakyat Malaysia supaya tidak melawat Indonesia buat masa tersebut. Malahan, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak bertindak menggesa duta Indonesia ke Malaysia, Bapak Da'i Bachtiar dan ketua Mesyuarat Tokoh Terkemuka Malaysia-Indonesia (Eminent Persons Group, EPG) Indonesia, Jeneral (B) Try Sutrisno supaya memastikan keselamatan rakyat Malaysia di Indonesia. Sebenarnya, program tersebut tidak dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia tetapi oleh syarikat produksi swasta yang dibayar oleh Kementerian Pelancongan Malaysia. *Discovery TV Asia* akhirnya bersetuju untuk menghentikan siaran iklan tersebut (*Jakarta Post*, 24 Ogos 2009). Kedua-dua negara juga bersetuju bahawa isu itu perlu diselesaikan melalui EPG. Dalam usaha untuk memperbaiki hubungan tegang tersebut Susilo Bambang Yudhoyono mengambil inisiatif untuk melawat Malaysia pada 11 hingga 12 November 2009 dalam perjalanan beliau ke Sidang Kemuncak APEC di Singapura. Perbincangan beliau dengan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak meliputi kepentingan bersama termasuk pekerja asing Indonesia di Malaysia dan sempadan perairan bersama. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan Susilo Bambang Yudhoyono juga menekankan peri pentingnya kedua-dua pihak memahami akar sejarah dan budaya serta menyelesaikan sebarang isu sensitif secara aman dan cepat.

Penting untuk memahami bahawa Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak berpegang teguh terhadap akar

sejarah dan budaya sama seperti bapanya Tun Abdul Razak yang memberi komitmen kuat kepada konsep "serumpun" dan penglibatan beliau sebelum ini sebagai pemimpin Pemuda UMNO yang berusaha untuk mengukuhkan hubungan kedua-dua buah negara. Serumpun di sini lebih merujuk kepada ras Melayu yang menghuni Malaysia dan Indonesia. Ras Melayu ini antaranya adalah orang Aceh, Bugis, Banjar, Boyan, Jawa dan Minangkabau. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak ketika menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri dan sebagai keturunan Bugis daripada Raja Gowa ke-19, Mappadulung Daeng Mattimung Karaeng Sonrobone Sultan Abdul Jalil Tumenanga Ri Lakiung, telah dianugerahi gelaran "Bangsawan Gowa" pada 12 November 2005 apabila beliau menghadiri "Mesyuarat Saudagar Bugis Makassar Ketujuh" di Makassar Indonesia atas jemputan rakan sejawatannya dari Indonesia, Naib Presiden Indonesia, Jusuf Kalla yang juga seorang berketurunan Bugis (Zulkefli, 2005).

Di samping itu, dengan pemahaman akar sejarah dan budaya yang sama, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah bertanya kepada Pengerusi Ketua Parti Golkar, Aburizal Bakrie pada Jun 2011 semasa lawatan beliau bersama-sama Majlis Pengurusan Pusat Parti Golkar ke Malaysia, "Mengapa kita sebagai bangsa serumpun dan begitu dekat tetapi mempunyai banyak masalah? " Aburizal menjawab bahawa keadaan itu adalah perkara biasa. Tambah beliau, "Kita sangat rapat dengan isteri kita, namun kita sering kurang percaya antara satu sama lain" (Aburizal, 2011). Parti Golkar (Golongan Karya) dan parti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (*United Malays National Organisation*, UMNO) telah lama mewujudkan hubungan kerjasama - sebagai contoh, perwakilan Golkar senantiasa menghadiri Perhimpunan Agung UMNO sebagai "pemerhati". Adalah penting usaha ini diteruskan, malah diperluaskan pertukaran antara ahli politik terutamanya ahli politik generasi muda daripada

parti-parti politik utama dan pemimpin berpengaruh di kedua-dua negara.

Isu Pertindihan Wilayah

Pada bulan September 2011, isu pertindihan wilayah telah dibangkitkan oleh Timbalan Suruhanjaya 1, Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) daripada Parti Demokrat-Perjuangan Indonesia, TB Hasanuddin yang membuat tuduhan melulu melalui media Indonesia bahawa Malaysia secara haram telah mengambil 1400 hektar tanah di daerah Camar Bulan dan 800 meter garis pantai di Tanjung Datu di Kalimantan Barat. Beliau mendakwa bahawa, batu-batu penanda sempadan di kawasan terbabit telah dipindahkan sejauh 3.3 km dari kedudukan asalnya. Kenyataan beliau telah menyebabkan api kemarahan rakyat Indonesia membara semula dan demonstrasi telah diadakan di hadapan Kedutaan Malaysia serta beberapa lokasi di Jakarta.

Walau bagaimanapun, kerajaan Indonesia mengambil tindakan pantas dengan menyanggah tuduhan Hasanuddin apabila empat menteri Indonesia, termasuk Menteri Politik, Keadilan dan Hal Ehwal Keselamatan, Djoko Suyanto menafikan bahawa, Malaysia telah mengambil wilayah Indonesia. Sementara itu, Menteri Luar Indonesia, Marty Natalegawa menyatakan bahawa, batu-batu penanda yang dipindahkan atau rosak kerana faktor alam jika itu benar-benar berlaku tidak harus menjadi masalah kerana koordinat batu-batu penanda asal telah direkodkan dalam kajian bersama oleh Malaysia dan Indonesia pada tahun 1973 dan 1978 (Mergawati, 2011).

Isu Pembantu Rumah dan Pendatang Indonesia

Pada Sidang Kemuncak ke-19 ASEAN di Bali pada 16 November 2011, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan Susilo Bambang Yudhoyono bertemu sekali lagi untuk membincangkan dua isu penting, iaitu mengenai

penggantungan penghantaran pembantu rumah Indonesia ke Malaysia. Susilo Bambang Yudhoyono mengumumkan di Bali bahawa Indonesia akan menarik balik penggantungan penghantaran pembantu rumah warga Indonesia ke Malaysia mulai 1 Disember 2011. Dijangka 50 000 pembantu rumah Indonesia akan dihantar ke Malaysia sebaik sahaja penggantungan penghantaran itu ditarik semula. Menurut Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, semasa memberikan respon kepada tindakan ini menyatakan bahawa, "berita akan diterima dengan penuh kegembiraan di Malaysia dan ia menunjukkan keikhlasan di pihak Presiden Susilo Bambang Yudhoyono dalam mengatasi isu tersebut" (Mustapha, 2011).

Penggantungan penghantaran itu bermula pada tahun 2009 apabila banyak kes penganiayaan pembantu rumah Indonesia oleh majikan di Malaysia yang dilaporkan media Indonesia telah menyebabkan beberapa demonstrasi dilakukan terhadap kedutaan dan konsulat Malaysia di Indonesia. Rakyat Indonesia juga marah dengan panggilan "Indon" terhadap mereka kerana mempunyai konotasi menghina dan memandang rendah dan "pendatang haram" bagi yang masuk secara tidak sah ke Malaysia kerana haram itu bermaksud tidak boleh disentuh, jijik dan kotor (untouchables). Sedar akan sensitiviti rakyat Indonesia, pemerintah Malaysia dengan semangat *bona fide* (jujur tanpa niat untuk menipu) mengarahkan agensi-agensinya menukar penggunaan "pendatang haram" kepada "pendatang tanpa izin". Hakikatnya, bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia adalah daripada rumpun bahasa Melayu.

Sejak dua tahun penggantungan penghantaran pembantu rumah itu, kedua-dua kerajaan telah membuat beberapa penambahbaikan dan perjanjian mengenai isu pembantu rumah Indonesia khususnya melalui Kementerian Sumber Manusia kedua-dua buah negara. Berdasarkan perjanjian mutakhir, kedua-dua kerajaan bersetuju mana-mana bakal

majikan kepada pembantu rumah Indonesia di Malaysia mesti membayar RM4511 kepada agensi-agensi pembantu rumah di Indonesia bagi setiap permohonan, satu hari cuti seminggu untuk pembantu rumah, majikan di Malaysia tidak boleh memegang pasport milik pembantu rumah, jika pembantu rumah itu meninggalkan tempat bekerja dalam tempoh enam bulan, agensi pembantu rumah perlu membuat pembayaran penuh kepada majikan atau menggantikan pembantu rumah tanpa sebarang kos tambahan dan pembantu rumah perlu menjalani latihan 200 jam di Indonesia melalui agensi-agensi pembantu rumah sebelum mereka dihantar ke Malaysia (Kamil, 2011). Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa perkara mengenai pembantu rumah Indonesia yang masih dipertikaikan terutamanya mengenai gaji RM700 sebulan dan bentuk tugas-tugas pembantu rumah sama ada seorang pembantu rumah hanya akan melakukan satu tugas sahaja seperti yang dimaklumkan oleh Ketua Pengarah Pembinaan dan Penempatan Tenaga Kerja, Kementerian Tenaga Kerja dan Transmigrasi Indonesia (Reyna Usman, 2012).

Isu Penangkapan Ikan Secara Haram

Mengenai isu lain pula, kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa terdapat keperluan untuk membentuk satu prosedur operasi tetap bagi nelayan yang ditangkap kerana mencerobohi kawasan maritim antara satu sama lain. Prosedur operasi tetap yang dipersetujui akan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak menyatakan bahawa, para nelayan tidak kaya dan mereka akan menderita jika kedua-dua negara menegaskan hukuman yang keras. Sebagai contoh, pada Ogos 2010, tujuh nelayan Malaysia telah ditangkap berhampiran Tanjung Berakit, Riau oleh pemeriksa dari Kementerian Hal Ehwal Maritim dan Perikanan Indonesia kerana menangkap ikan secara haram berhampiran

perairan Indonesia. Pada tahun 2010 sahaja, Menteri Luar Indonesia, Marty Natalegawa mendakwa bahawa kementerian beliau telah menghantar sembilan nota bantahan diplomatik kepada Kedutaan Malaysia di Jakarta bagi pelanggaran wilayah (Mustaqim, 2010). Sementara itu, pada Oktober 2011, empat nelayan Indonesia ditahan oleh Polis Marin Malaysia berhampiran Selat Melaka kerana mencerooboh perairan Malaysia. Memorandum Persefahaman akhirnya ditandatangani oleh Malaysia dan Indonesia pada 27 Januari 2012. Pihak berkuasa di kedua-dua buah negara tidak akan menangkap nelayan yang sesat dalam sempadan perairan masing-masing tetapi hanya akan menghalau mereka keluar.

HUBUNGAN MALAYSIA-INDONESIA ERA NAJIB RAZAK-JOKOWI (2014-2018)

Perubahan pucuk kepimpinan selepas pilihan raya presiden di Indonesia daripada Susilo Bambang Yudhoyono kepada Joko Widodo (Jokowi) yang berlainan parti politik pada 20 Oktober 2014 tidak mengubah hubungan erat kedua-dua negara kerana Malaysia merupakan negara pertama yang dilawati Jokowi pada 5 hingga 7 Februari 2015 dalam konteks kunjungan rasmi hubungan dua hala. Semasa pertemuan Jokowi dan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, keutamaan diberikan kepada meningkatkan kerjasama perdagangan, pelancongan dan pendidikan. Namun begitu, isu iklan syarikat produk pembersih hampagas robotik yang disertakan dengan slogan "*Fire Your Indonesian Maids*" telah serba sedikit mencalarkan pertemuan tersebut. Iklan tersebut hangat diperkatakan di media Indonesia kerana dianggap tidak sensitif dan memandang rendah pembantu rumah Indonesia di Malaysia (Yaakub, 2015). Timbalan Presiden Indonesia, Jusuf Kalla dan Menteri berkaitan tenaga kerja Indonesia juga meminta syarikat terbabit memohon maaf dan mahu kerajaan Malaysia menyiasat


segera perkara tersebut. Laporan polis juga telah dibuat oleh Kedutaan Indonesia di Malaysia terhadap isu tersebut. Di samping itu, tindakan Indonesia di bawah Jokowi yang tegas menenggelamkan kapal-kapal nelayan asing yang mencerooboh perairan Indonesia juga turut menjadi isu utama semasa era pentadbiran kedua-dua pemimpin ini. Telah dipersetujui oleh kedua-dua pemimpin bahawa, tindakan undang-undang perlulah diambil dahulu dalam konteks pencerobohan nelayan asing ke dalam perairan kedua-dua buah negara.

Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah mengadakan lawatan ke Indonesia pada 1 Ogos 2016 dalam rangka kerja Konsultasi Tahunan ke-11 antara kedua-dua buah negara dalam membincangkan isu hubungan dua hala. Antara isu yang dipersetujui adalah mencari penyelesaian menyeluruh dalam menentukan persempadanan perairan Malaysia dan Indonesia terutama di perairan Sulawesi Selatan, iaitu nelayan kedua-dua buah negara sering ditangkap kerana dianggap mencerooboh perairan (Lokman, 2016). Isu penculikan dan pelanunan di Selat Sulu juga dipersetujui untuk ditangani melalui kerjasama tiga hala Malaysia, Indonesia dan Filipina. Kedua-dua negara juga sepakat untuk memperkukuhkan koordinasi program pengambilan semula dan deportasi sukarela pekerja asing tanpa izin rakyat Indonesia di Malaysia.

KESIMPULAN

Sejak Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak menerajui pemerintahan, hubungan luar negeri Malaysia telah mengharungi banyak isu dan peristiwa yang telah dibincangkan sebelum ini. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Anifah Aman terpaksa mengendalikan banyak lawatan pemimpin asing, menjaga hubungan pelbagai hala dan hubungan dua hala yang sensitif dengan negara jiran terdekat terutama

Indonesia, ketidaktentuan di rantau Asia Tenggara dan perubahan kepimpinan di seluruh dunia terutamanya di Timur Tengah. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak memerlukan banyak inisiatif, orientasi dan strategi dasar yang baru disebabkan dasar luar Malaysia yang stabil. Sementara itu, hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia melalui "hubungan istimewa" di antara pemimpin dan rakyat atas sebab persamaan faktor sejarah, ras, bahasa, agama dan budaya dianggap penting oleh perspektif konstruktivisme. Melalui faktor-faktor ini, persetujuan dan kemelut mengenai unsur budaya, penggantungan penghantaran pembantu rumah warga Indonesia, penangkapan ikan secara haram, pertindihan sempadan perbatasan dan isu-isu maritim antara kedua-dua buah negara masih dapat diselesaikan semasa pemerintahan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak melalui rundingan dua hala. Sebagai negara berdaulat dan membangun kedua-dua negara mahukan kerjasama berterusan terutama dari segi perdagangan dan pelaburan di samping saling menghormati dan berdiri sama tinggi.



Rantau Asia Tenggara merupakan rantau yang sangat

istimewa dalam dasar luar Malaysia. Keunikan ini bukanlah hanya

disebabkan oleh faktor sejarah yang mendasari kepada hubungan tersebut, malah turut disumbangkan oleh beberapa faktor lain. Antaranya termasuklah kepentingan geostrategik, faktor kedekatan dan beberapa faktor lain yang menjadikan hubungan ini bertambah istimewa. Ringkasnya, Malaysia tidak hanya terlibat secara aktif dalam kerjasama dengan negara di Asia Tenggara, tetapi dalam masa yang sama, Malaysia sangat sensitif kepada sebarang perkembangan yang berlaku di negara jiran terbabit.

Bersandarkan hujah ini, maka buku ini cuba memberikan gambaran sebenar tentang isu yang mewarnai hubungan Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara serta beberapa konsep penting yang mendasari kepada hubungan tersebut. Untuk tujuan tersebut, bab di dalam buku ini membincangkan isu, cabaran dan masa depan hubungan Malaysia dengan negara di rantau terbabit. Semoga buku ini akan dapat memberikan gambaran sebenar kepada para pengkaji, penganalisis, para pelajar atau sesiapa sahaja yang berminat untuk memahami dan mendalami mengenai kepentingan serta isu yang berkaitan dengan Malaysia dan hubungannya dengan negara jiran di rantau ini.

RM30.00

ISBN 978-983-49-1961-0



9 789834 919610

03000